



→ Ikuti lebih berita di www.bharian.com.my

Penurunan itu turut memberikan impak kepada kejatuhan ekonomi Malaysia sebanyak 5.6 peratus. Justeru, PKPD akan memberi impak yang signifikan kepada ekonomi negara

Mohd Afzanizam
Abdul Rashid,
Ketua Ahli Ekonomi
Bank Islam
Malaysia
Bhd



PKPD di Selangor, KL jejas ekonomi negara

Berita HARIAN (03/07/2021) HAL 25

Sekatan pergerakan beri impak besar kepada unjuran pertumbuhan tahun ini

Oleh Alzahrin Alias

zahrin@bh.com.my

Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) beberapa mukim dan lokaliti di Selangor serta Kuala Lumpur bakal memberikan impak besar kepada unjuran pertumbuhan ekonomi negara tahun ini.

Ini berdasarkan sumbangan kedua-dua negeri itu kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Malaysia dengan Selangor adalah penyumbang terbe-

sar sejak beberapa tahun lalu.

Ketua Ahli Ekonomi Bank Islam Malaysia Bhd, Dr Mohd Afzanizam Abdul Rashid, berkata nisbah sumbangan KDNK Selangor dan Kuala Lumpur kepada ekonomi Malaysia pada 2020 masing-masing adalah sebanyak 24.3 peratus dan 16.1 peratus.

“Pada tahun lalu, ketika pelaksanaan pelbagai fasa PKP dan penularan pandemik COVID-19, ekonomi Selangor dan Kuala Lumpur menguncup masing-masing pada kadar 5.3 peratus dan 7.5 peratus.

“Penurunan itu turut membebankan impak kepada kejatuhan ekonomi Malaysia sebanyak 5.6 peratus. Justeru, PKPD akan memberi impak yang signifikan kepada ekonomi negara,” katanya kepada *BH*.

Mohd Afzanizam bagaimanapun berkata, pelan pemulihan diumumkan kerajaan, dengan yang terbaru melalui Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH) serta

Pelan Pemulihan Negara (PPN) dapat membantu pemulihan kerana ia menambah tunai di dalam sistem ekonomi negara.

Namun, tegasnya, ketika ini semua pihak masih tidak dapat kepastian bila ekonomi akan dibuka sepenuhnya.

“Ini menjadi batu penghalang utama kepada pertumbuhan positif pasaran saham, selain daripada kebimbangan mengenai landskap politik negara semasa,” katanya.

Penganalisis Ekonomi Putra Business School, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Ahmed Razman Abdul Latiff pula berkata, PKPD sudah tentu akan memberi kesan negatif kepada sektor ekonomi di kedua-dua negeri itu dan negara secara keseluruhannya.

Beliau berkata, sumbangan sekitar 40 peratus kepada KDNK adalah satu nilai yang tinggi dan sebarang sekatan pergerakan pasti memberi impak yang besar.

“Walaupun perniagaan ma-

sih dibenarkan di buka dari jam 8 pagi hingga 8 malam, batasan pergerakan sedikit sebanyak akan mengurangkan transaksi perniagaan.

“Keyakinan pengguna serta pelabur juga terjejas. Namun, pakej PEMULIH yang diumumkan akan memastikan impak negatif itu dapat dikurangkan,” katanya.

Ahmed Razman berkata, walaupun begitu, usaha pemberian vaksin COVID-19 kepada penduduk Selangor dan Kuala Lumpur perlu dipergiatkan agar PKPD dapat dilaksanakan dalam tempoh yang singkat.

Beliau berkata, secara dasarnya, langkah PKPD dan unjuran penurunan KDNK kedua-dua negeri berkenaan akan menyebabkan KDNK keseluruhan negara pada tahun ini juga akan turun.

Katanya, berdasarkan jangkannya, KDNK Malaysia pada 2021 diunjurkan antara 5.5 hingga 7.0 peratus.

Walaupun perniagaan masih dibenarkan di buka dari jam 8 pagi hingga 8 malam, batasan pergerakan sedikit sebanyak akan mengurangkan transaksi perniagaan

Ahmed Razman Abdul Latiff, Penganalisis Ekonomi Putra Business School, UPM



Sektor pembuatan berisiko rugi lebih besar

Sektor pembuatan Malaysia berdepan risiko kehilangan momentum lebih besar jika peralihan ke fasa kedua Pelan Pemulihan Negara (PPN) tidak dapat dilaksanakan dalam tempoh terdekat.

Presiden Persekutuan Pekilang-Pekilang Malaysia (FMM), Tan Sri Soh Thian Lai, berkata jumlah kes COVID-19 yang masih tinggi memberi isyarat peralihan ke fasa seterusnya PPN akan mengambil masa yang



Soh Thian Lai

panjang daripada rancangan awal kerajaan.

Beliau berkata, berlaku ketidakpastian mencapai kejayaan penurunan kes di bawah 4,000 sehari, sekali gus menafikan pembukaan lebih banyak sektor ekonomi.

“Jika ini berlarutan, ia akan membunuh sektor pembuatan. FMM meminta kerajaan agar melaksanakan pembukaan negeri atau kawasan tertentu yang mencatatkan jumlah kes yang rendah.

“Bagi kawasan yang tinggi, kekalkan dengan sekatan pergerakan penuh seperti dilaksanakan ketika ini.

“Ini bagi memberikan sedikit kelonggaran beroperasi tanpa perbezaan antara sektor penting dan tidak penting. Sekatan pergerakan penuh perlu dilaksanakan secara bersasar dan tidak menyeluruh, hanya tertumpu kepada negeri dan kawasan tertentu,” katanya dalam satu kenyataan.

Thian Lai berkata, saranan FMM itu bagi membolehkan negara dapat beralih ke Fasa 2 PPN dengan lebih lancar dan menge-

lakkan kerosakan ekonomi yang lebih teruk.

Beliau berkata, sektor pembuatan sudah terjejas teruk disebabkan penutupan perniagaan dari sektor yang tidak penting dan pengurangan kapasiti operasi sektor penting.

Katanya, kerajaan juga dicadangkan mengkaji semula tiga ambang peralihan PPN bagi peralihan fasa ke fasa yang lebih pantas serta membuka lebih banyak sektor perniagaan.

“Pelaksanaan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) perlu dipercepatkan ter-

masuk pemberian vaksinasi kepada sektor swasta dan pembuatan.

“Perluaskan juga pusat pemberian vaksin dengan memberi kebenaran kepada hospital dan klinik swasta melaksanakan pemberian vaksin itu.

“Ujian saringan turut perlu dilaksanakan berterusan merangkumi semua golongan termasuk pekerja asing yang tidak mempunyai dokumen,” katanya sambil menambah bahawa strategi dan rancangan tindakan yang komprehensif dapat mengatasi kemungkinan penurunan COVID-19.